

SIARAN AKHBAR
19 November 2014

KERAJAAN UMUM KOMITMEN EKUINAS UNTUK AGIHKAN KEUNTUNGAN RM500 JUTA MENERUSI YPB/PNB UNTUK MANFAAT BUMIPUTERA

Fakta Utama:-

- YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak umum komitmen Ekuinas untuk mengagihkan RM500 juta daripada keuntungannya menerusi Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) untuk manfaat masyarakat Bumiputera yang memiliki unit amanah yang diurus oleh PNB.
- Sebagai institusi pelaburan yang menguruskan dana Bumiputera, dengan lebih 10 juta masyarakat Bumiputera memegang unit amanah di bawahnya, PNB menyediakan platform terbaik untuk Ekuinas untuk berkongsi kejayaan pelaburannya secara langsung dengan lebih ramai masyarakat Bumiputera secara lebih berkesan dan bermakna.
- Pengagihan keuntungan Ekuinas membuktikan kejayaan strategi jangka panjang Kerajaan untuk meningkatkan ekuiti Bumiputera dan mencerminkan komitmen Kerajaan untuk memastikan kejayaan dasar agenda Bumiputera dikongsi bersama dengan masyarakat Bumiputera. Inisiatif bersama antara Ekuinas dan PNB ini akan memberikan impak kepada rakyat individu, selaras dengan prinsip Kerajaan untuk mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi Bumiputera di negara ini.

KUALA LUMPUR, 19 November 2014: Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak hari ini mengumumkan bahawa Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan yang ditubuhkan untuk meningkatkan penglibatan ekonomi Bumiputera, telah memberikan komitmen untuk mengagihkan RM500 juta daripada keuntungan syarikat untuk dikongsi bersama masyarakat Bumiputera.

Yayasan Ekuiti Nasional, yayasan amanah yang memiliki Ekuinas, akan mengagihkan RM500 juta yang merupakan sebahagian daripada pulangan kasar portfolio bagi Dana pertama Ekuinas, dikenali sebagai *Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund*, kepada Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) untuk manfaat masyarakat Bumiputera yang memiliki unit amanah yang diuruskan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB).

PNB telah dipilih kerana mempunyai platform terbaik untuk membuat pengagihan dengan capaian paling luas yang merangkumi kini lebih 10 juta masyarakat Bumiputera memegang unit amanah dibawahnya dan juga peranan unik PNB sebagai institusi pelaburan yang menguruskan aset masyarakat Bumiputera.

Pengagihan RM500.0 juta ini akan dilaksanakan secara berperingkat untuk membolehkan Ekuinas merealisasikan sepenuhnya pelupusan pelaburan di samping memastikan pelaburan lanjutan dapat dilakukan demi menjana pulangan jangka panjang yang mapan bagi pemegang unit amanah, selaras dengan mandat PNB.

Dalam satu majlis yang diadakan pada hari ini, Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak menekankan bahawa Ekuinas telah mencatatkan prestasi kewangan dan sosial yang konsisten dan membanggakan sejak ia ditubuhkan pada 2009. Pengagihan keuntungan Ekuinas membuktikan kejayaan strategi jangka panjang Kerajaan untuk meningkatkan ekuiti Bumiputera menerusi model ekuiti persendirian dan mencerminkan komitmen Kerajaan untuk memastikan kejayaan dasar agenda Bumiputera dapat dikongsi bersama masyarakat Bumiputera. Perdana Menteri turut berasa gembira kerana inisiatif bersama antara Ekuinas dan PNB ini akan memberikan impak secara langsung kepada rakyat individu selaras dengan prinsip Kerajaan untuk mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi Bumiputera di negara ini.

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Sebagai entiti berkaitan Kerajaan yang diberi mandat untuk meningkatkan penglibatan ekonomi Bumiputera, Ekuinas percaya adalah wajar kami berkongsi kejayaan ini bersama masyarakat Bumiputera secara berkesan dan bermakna. PNB telah dipilih sebagai platform terbaik bagi tujuan pengagihan berdasarkan kumpulan pemegang unit amanah Bumiputera yang besar, dan sejajar dengan mandatnya sebagai penaung yang bertanggungjawab memelihara kekayaan dan ekuiti Bumiputera."

Ekuinas ditubuhkan oleh Kerajaan pada tahun 2009 untuk menyediakan pembiayaan ekuiti persendirian kepada syarikat-syarikat dan usahawan berpotensi tinggi di Malaysia di samping menjana pulangan pasaran untuk membantu meningkatkan ekuiti Bumiputera. Pada 31 Disember 2013, Ekuinas mencatat pulangan kasar portfolio sebanyak RM655.9 juta, bersamaan Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar tahunan sebanyak 25.5%, dan IRR tahunan bersih sebanyak 20.4% yang melebihi sasaran pulangan jangka panjang minimum 12% dan sasaran aspirasi 20%.

Ekuinas juga telah berjaya meningkatkan ekuiti Bumiputera sebanyak RM2.8 bilion, ataupun 1.7 kali modal yang dilaburkan, yang menjadi punca pengagihan oleh Ekuinas.

Dato' Abdul Rahman Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas berkata, "Jumlah yang telah diperuntukkan untuk pengagihan diraih daripada keuntungan yang dicatatkan daripada dana pertama Ekuinas. Dana tersebut telah dilaburkan sepenuhnya dan sedang dalam proses direalisasikan menerusi pelupusan pelaburan yang giat dilakukan. Sebagai firma ekuiti persendirian, tempoh pelaburan kami adalah antara tiga hingga lima tahun dan Ekuinas berharap untuk terus menjana pulangan. Di masa hadapan, kami berharap untuk menyalurkan agihan yang serupa kepada institusi pelaburan Bumiputera lain bagi memastikan lebih ramai masyarakat Bumiputera mendapat manfaat daripada keuntungan Ekuinas."

Selain daripada mengagihkan sebahagian daripada jumlah keuntungan menerusi PNB, Ekuinas akan mengekalkan sebahagian lagi keuntungan tersebut dan modal pelaburan asal yang telah berjaya diraih kembali untuk aktiviti pelaburan semula. Ini untuk memastikan Ekuinas bakal membiayai operasi sendiri dan berupaya membuat pelaburan masa hadapan tanpa perlu bergantung kepada peruntukan tambahan daripada Kerajaan.

Ekuinas juga bercadang untuk menggunakan sebahagian daripada baki keuntungan untuk melaksanakan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang akan memberikan impak secara langsung kepada masyarakat Bumiputera seperti dalam bidang pendidikan

dan peningkatan keupayaan keusahawanan untuk perniagaan Bumiputera kecilan. Maklumat terperinci mengenai program CSR Ekuinas akan diumumkan tidak lama lagi.

President dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman berkata, "Kami gembira dapat berganding bahu dengan Ekuinas untuk membantu memudah cara pengagihan dan perkongsian keuntungan untuk manfaat masyarakat pelabur Bumiputera. Kami berharap agar pengagihan menerusi unit amanah ini akan menyokong matlamat Kerajaan dalam memupuk budaya melabur di kalangan masyarakat Bumiputera dan juga membolehkan kekayaan Bumiputera dikekalkan dan dipertingkatkan."

- Tamat -

Mengenai Yayasan Pelaburan Bumiputra / Permodalan Nasional Berhad

Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) ditubuhkan pada Januari 1978 untuk merangka dasar dan garis panduan bagi penyertaan pelaburan ekuiti Bumiputera. Dalam usaha melaksanakan dasarnya, YPB telah menubuhkan Permodalan Nasional Berhad (PNB) sebagai sebuah anak syarikat milik penuh. Menerusi PNB, kepentingan saham besar yang dibeli dalam syarikat utama Malaysia dipindahkan ke dalam dana amanah dan dijual kepada Bumiputera dalam bentuk unit lebih kecil oleh anak syarikat PNB, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Dengan mengguna pakai model pelaburan inovatif ini, PNB memastikan bahawa saham ini dipegang oleh Bumiputera sambil memupuk tabiat menabung yang lebih luas dan membangunkan kemahiran keusahawanan dan pelaburan Bumiputera.

Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Dengan bermodalkan dana peruntukan Kerajaan bernilai RM5 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat menggalakkan penglibatan golongan Bumiputera dalam bidang ekonomi secara saksama, berkesan dan berkekalan menerusi pengwujudan syarikat-syarikat peneraju terkemuka generasi baru Malaysia. Ekuinas kini telah membuat pelaburan di dalam syarikat-syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor barangan pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan dan peruncitan.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:-

Adli Abdul Karim, Weber Shandwick, AAbdulKarim@webershandwick.com, (03) 6209 5222
Hairuddin Mohd Noh, Weber Shandwick, HMohdNoh@webershandwick.com, (03) 6209 5241